KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	09.09.22	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	JPSM			

'Letak tolok hujan atas Gunung Inas'

MB arah dapatkan anggaran bacaan lebih tepat bagi mudahkan jangka risiko banjir

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Kerajaan negeri mahu tolok hujan dipindahkan ke kawasan lebih tinggi di Gunung Inas bagi mendapatkan anggaran jumlah hujan yang lebih tepat.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, berkata ketika ini tolok hujan dipasang di kaki gunung dan menyukarkan bacaan hujan tepat yang berisiko berlaku banjir.

Katanya, proses itu perlu dilakukan selepas kejadian banjir lumpur kerap berulang dan menjejaskan penduduk di kawasan jajaran Sungai Kupang.

"Oleh kerana tolok hujan diletakkan di kaki gunung, jumlah hujan yang berlaku di pergunungan tidak dapat dianggarkan.

"Jadi saya harap selepas ini jabatan berkaitan iaitu Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) kena pindahkan tolok air dan kena letak atas, baru tahu jumlah hujan yang tepat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Bendera Kepada Kontinjen Kedah Sempena Sukan Malaysia (SUKMA) 2022 di Dewan Seri Mentaloon di sini, semalam.

Arah pindah pasir

Mengulas lanjut, Muhammad Sanusi berkata, pihaknya juga sudah mengarahkan proses memindahkan pasir di Sungai Kupang di Lata Chelak, Kampung Iboi dilakukan lebih pantas selepas berlaku banjir lumpur kali ketiga tiga hari lalu.

Katanya, ia bagi mengelak timbunan pasir di sungai itu dihanyutkan semula ke sungai.

"Saya sudah mengarahkan Pejabat Tanah dan Daerah Baling menyegerakan kerja mengangkut bertan-tan pasir di sepanjang tebing Sungai Kupang di Kampung Iboi.

Dulu kedalaman sungai itu tidak kurang 10 kaki dari jalan, tapi sekarang sudah dekat paras jalan, jadi pasir ini kena buang.



Sebahagian mangsa banjir ditempatkan di pusat penempatan sementara (PPS) Kampung Padang Empang, Baling. (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

Ketika ditanya trauma yang sedang dihadapi mangsa yang terjejas, Muhammad Sanusi berkata, 17 rumah yang terletak dalam 'zon kuning' berisiko tinggi dipindahkan ke kampung lebih selamat sejurus selepas proses pengambilan semula tanah selesai.

"Kita selesai proses pengambilan semula tanah, untuk menempatkan semula penduduk di zon kuning.

"Kita akan bina rumah untuk penduduk yang tinggal di 17 rumah yang berisiko itu. Semua orang dari zon kuning akan dipindahkan ke kampung itu," katanya.

106 mangsa banjir di PPS

Sehingga jam 3 petang semalam, seramai 106 mangsa banjir membabitkan 31 keluarga masih berada di dua pusat pemindahan sementara (PPS).

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Baling, Leftenan (PA) Mohd Faizol Ab Aziz, berkata 94 mangsa daripada 30 keluarga berada di PPS Dewan Terbuka Kampung Padang Empang.

Katanya, hanya 12 mangsa lagi daripada satu keluarga berada di PPS Dewan Masjid Al-Huda, Kampung Hangus, Kupang berbanding 34 keluarga semalam.

"Mereka yang dibenarkan pulang dari Kampung Hangus apabila keadaan rumah mereka telah pulih," katanya.

Beliau berkata, mangsa di Kampung Padang Empang dan Iboi tidak dibenarkan pulang kerana keadaan masih tidak selamat.